

## Taman tema RM400 juta dibina di Klebang Besar

**BANDARAYA MELAKA, 4 Okt.:** Sebuah taman tema dengan kos pembinaan RM400 juta akan dibina di kawasan tambakan laut seluas kira-kira 80 hektar di Klebang Besar dekat sini.

Projek pembangunan Malacca Empire Marine itu melibatkan pembinaan resort, chalet dan dewan pameran yang mampu memuatkan 10,000 orang selain sebuah hotel bertaraf antarabangsa dengan 5,000 bilik.

Tiga syarikat tempatan iaitu Empire

Worldwide Sdn Bhd, PGL Lestari Marina Sdn Bhd dan Cash Support Sdn Bhd, bekerjasama membangunkan projek itu yang dijangka siap dalam tempoh dua tahun mulai sekarang.

Presiden Empire Worldwide, Datuk Dr. Alex Teh berkata, projek itu juga melibatkan pembinaan pelabuhan bagi pendaratan feri pelancong.

Projek itu apabila siap kelak mampu menarik lebih ramai pelancong ke Melaka terutamanya dari China dan

Singapura, katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman ketiga-tiga syarikat itu bagi membangunkan projek berkenaan di sini, hari ini.

Pada majlis itu, PGL Lestari Marina Sdn Bhd diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Ghafar Ibrahim manakala Cash Support Sdn Bhd oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Wira Jamaludin Abdul Rahim dan Alex mewakili Empire Worldwide Sdn. Bhd.